

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

2021

HARI RABU : 1 DISEMBER 2021

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 51)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK PANGLIMA MOHD DUN
[BEAUFORT]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

- (a) apakah punca utama masalah bekalan air di Parlimen Beaufort yang menyebabkan loji-loji sedia ada tidak berfungsi dengan baik dan tidak berupaya menampung permintaan bekalan air yang sepatutnya kepada penduduk; dan
- (b) apakah tindakan komitmen Kementerian untuk mengatasi masalah air yang berlarutan ini berikutan ketidakupayaan loji-loji air di Beaufort membekalkan air yang mencukupi kepada rakyat di kawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia sebelum ini, punca utama masalah bekalan air di Beaufort adalah kerana loji tidak dapat beroperasi yang disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) paras muka sauk yang lebih tinggi dari dasar sungai yang menyebabkan air tidak dapat masuk ke muka sauk semasa musim kemarau;
- (ii) kadar kekeruhan air sungai yang terlalu tinggi semasa musim hujan dan muka sauk tersumbat akibat kemasukan pasir dan lumpur;
- (iii) kekerapan kerosakan peralatan, pam dan sistem penapisan yang tidak dapat merawat air yang keruh melebihi 1,000 NTU; dan
- (iv) kadar air tidak berhasil (NRW) yang terlalu tinggi di Daerah Beaufort sehingga mencecah 60% juga menyebabkan bekalan air tidak sampai kepada pengguna.

2. Dalam hal ini, isu-isu tersebut adalah berkait rapat dengan operasi dan penyelenggaraan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Untuk itu pihak JANS telah merangka pelan tindakan bagi menyelesaikan isu dan masalah tersebut seperti mana berikut:

- (i) Pelan Jangka Pendek :-
 - a. Membina empangan sementara bagi meningkatkan paras air semasa musim kemarau; dan
 - b. Mengorek muka sauk secara berkala bagi membuang pasir dan lumpur.

(ii) Pelan Jangka Panjang :-

- a. Mengubahsuai muka sauk sedia bagi membolehkan ia beroperasi sepanjang masa sama ada semasa musim banjir atau kemarau;
- b. Membina wier bagi membolehkan paras air di muka sauk dikawal terutamanya semasa musim kemarau;
- c. Mengubah suai kedudukan panel kawalan elektrik agar tidak tenggelam semasa musim banjir; dan
- d. Membina tangki pra-pemendakan bagi mengatasi masalah kekeruhan yang tinggi.

3. Pada masa yang sama, JANS diminta untuk mengaktifkan kerja-kerja kawalan dan pengesanan kebocoran secara aktif bagi mengurangkan kadar NRW yang tinggi di daerah Beaufort dan perlu dilaksanakan secara berterusan oleh pihak JANS.

4. Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan secara pinjaman bagi membiayai pelaksanaan kerja-kerja yang diperlukan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) status Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang ditubuhkan oleh Kerajaan PH pada 30 Mei 2021; dan
- (b) nyatakan jumlah dan senarai laporan siasatan yang telah disiapkan oleh JKSTUPKK sepanjang tempoh 2018-2021.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKS), Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada Mei 2018. Objektif utama JKS adalah untuk melaksanakan siasatan terhadap perolehan yang mencurigakan dan mengenalpasti sekiranya ada tadbir urus yang lemah dan tidak telus dan berlakunya penyelewengan, salah

guna kuasa atau pembaziran kewangan negara. Seterusnya JKS akan memberikan cadangan penambahbaikan terhadap tadbir urus perolehan dan kewangan Kerajaan dengan menangani isu ketirisan di samping memastikan nilai pulangan faedah yang terbaik dalam perolehan Kerajaan.

2. Jawatankuasa ini telah berakhir tempoh pelantikan mereka dan tidak disambung semula. Sejak penubuhannya, JKS telah mengenalpasti 39 kes perolehan, tadbir urus dan kewangan Kerajaan untuk disiasat. Siasatan berkaitan melibatkan lapan (8) Kementerian dan secara keseluruhan. Jumlah siasatan yang telah dibuat berdasarkan kementerian adalah seperti berikut:

- a) Kementerian Pertahanan - 26 siasatan;
- b) Kementerian Pengangkutan Malaysia - 2 Siasatan;
- c) Kementerian Pendidikan Malaysia -4 Siasatan;
- d) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - 1 Siasatan;
- e) Kementerian Alam Sekitar Dan Air - 1 Siasatan;
- f) Kementerian Kesihatan Malaysia - 2 Siasatan;
- g) Kementerian Dalam Negeri -1 Siasatan ;
- h) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli -1 Siasatan; dan
- i) Kementerian Sumber Manusia - 1 Siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a. Apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menyediakan peruntukan segera secukupnya bagi tujuan kecemasan seperti kejadian bencana alam; dan

- b. Apakah jaminan Kerajaan dalam menyalurkan peruntukan dengan segera sebaik kejadian bencana berlaku terutamanya di negeri Sabah yang sering dikejutkan dengan pelbagai kejadian bencana alam. Perkara ini amat perlu bagi memastikan kerja-kerja pembaikan dapat dilaksanakan segera tanpa perlu menunggu bagi suatu tempoh masa yang terlalu lama dan boleh menyebabkan kerosakan akan bertambah teruk.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara telah menjelaskan berkaitan Pengurusan Kewangan di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri iaitu melalui agensi masing-masing bertanggungjawab memperuntukkan sejumlah dana bagi maksud pengurusan bencana dan aktiviti pengurangan risiko bencana.
2. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap agensi di peringkat Pusat atau Negeri untuk memperuntukkan sebahagian dari Belanja Mengurus / Pembangunan bagi tujuan kecemasan seperti bencana alam. Walau bagaimanapun, bagi Kerajaan Negeri / Jabatan / Agensi yang tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi dalam Tabung Bantuan Bencana Negeri atau di peringkat Jabatan / Agensi masing-masing. Kerajaan Pusat melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan menyalurkan peruntukan tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan.
3. Kerajaan Pusat sentiasa prihatin dengan nasib mangsa-mangsa yang terjejas dengan bencana. Pelbagai peruntukan melalui Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan telah diperuntukkan bagi membantu meringankan beban mangsa yang terjejas dan juga memperbaiki kerosakan yang melibatkan kemudahan awam bukan sahaja di negeri Sabah tetapi melibatkan semua negeri yang terjejas akibat bencana.
4. Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak akan disalurkan apabila pihak NADMA menerima senarai yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).
5. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 16 September 2021 telah mengumumkan kenaikan kadar BWI daripada RM500 kepada RM1,000. Bantuan ini bukanlah berbentuk

pampasan atau ganti rugi terhadap kerosakan rumah yang dialami oleh mangsa bencana.

6. Selain BWI, Kerajaan Pusat juga memperuntukkan perbelanjaan bagi memperbaiki kerosakan yang melibatkan kemudahan awam. Pada 18 Januari 2021, Kerajaan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM200 juta bagi menyegerakan kerja-kerja membaikpulih kerosakan infrastruktur kecil, rumah mangsa banjir serta membantu meringankan beban rakyat yang terjejas ketika Monsun Timur Laut 2020 / 2021 yang lalu.

7. Kerajaan Pusat melalui NADMA sentiasa bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dalam memastikan peruntukan dan bantuan yang berkaitan diberikan dengan segera kepada mangsa yang terjejas.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bantuan ini tidak meliputi mereka yang terlibat dengan insiden banjir kilat. Ingin saya maklumkan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa banjir kilat tidak dianggap sebagai bencana dan ia adalah kejadian yang berlaku dalam tempoh yang singkat. Ia hanya melibatkan sejumlah kecil mangsa dan tiada kemungkinan untuk ia merebak. Aduan mengenai banjir kilat boleh diajukan kepada pihak berkuasa tempatan dan Jabatan yang berkaitan.

9. Saya juga ingin memaklumkan bahawa untuk jangka masa panjang, Kerajaan dalam proses mewujudkan Dasar Pengurangan Risiko Bencana yang kini di peringkat akhir penyediaannya manakala Rang Undang-Undang Agensi Pengurusan Bencana Negara masih di peringkat penyediaan draf awal. Dengan adanya Dasar dan Rang Undang-Undang ini, pengurusan bencana akan menjadi lebih cekap dan dapat diselaraskan dengan lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI MOHD ANUAR MOHD
TAHIR [TEMERLOH]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesiapsiagaan agensi-agensi Kerajaan, pemberitahuan serta pendidikan kepada rakyat bagi menghadapi musim tengkujuh tahun ini. Ini supaya kerosakan harta benda dikurangkan, kehilangan nyawa dielakkan serta kesediaan logistik yang mantap.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2021/2022, kesiapsiagaan agensi-agensi Kerajaan adalah seperti yang berikut:

- a) Jabatan Kerja Raya akan mengenalpasti dan memantau jalan yang pernah dibanjiri atau mengalami runtuhan cerun, berhampiran sungai dan di kawasan rendah yang mungkin terjejas.
- b) Agensi-agensi *responder* mempunyai seramai 66,105 orang petugas, 8,374 buah kenderaan darat dan air serta 20,644 aset bukan kenderaan (jaket keselamatan, set generator dan lain-lain).
- c) Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan 5,731 buah pusat pemindahan sementara untuk memuatkan 1,628,512 orang mangsa, lapan Depot Simpanan Keperluan Bencana, 165 buah stor bencana / mini depot / kontena dan 521 buah pangkalan hadapan.
- d) Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyampaikan taklimat MTL kepada agensi pengurusan bencana negeri dan daerah. Jabatan-jabatan berkenaan juga akan memastikan penyaluran maklumat dan ramalan cuaca serta jangkaan hujan lebat disampaikan di media massa.
- e) Jabatan Pengairan dan Saliran mempunyai 1,180 stesen telemetri, 600 siren, 1,571 batang tolok lurus dan 68 buah webkamera dan akan menyelenggara sungai, projek tebatan banjir dan siren amaran banjir.

NO. SOALAN : 14

- f) Setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah dimohon untuk melaksanakan simulasi bencana, menyelaraskan aset, logistik dan sumber manusia, melibatkan badan korporat, NGO & individu, mengaktifkan segera Pusat Kawalan Operasi Bencana semasa bencana serta menggerakkan aset air, darat dan udara bila diperlukan.
- g) Semua Pihak Berkuasa Tempatan dimohon menyelenggara sistem perparitan untuk mengelakkan bencana banjir.
- h) Semua pemilik empangan dimohon memaklumkan pelepasan air dengan lebih awal kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan.
- i) NADMA dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi akan meneruskan inisiatif penyampaian amaran banjir melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada penduduk di kawasan berisiko banjir dengan kerjasama JPS melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN).
- j) Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimohon memastikan Pejabat Kesihatan Daerah berkongsi data mereka yang dikuarantin di rumah untuk mengelakkan penularan COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. JEFFREY GAPARI
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan konsisten dengan Matlamat Keluarga Malaysia, Dasar Kemakmuran Bersama dan Objektif Kerajaan untuk menumpukan pembangunan yang seimbang Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, kenapa Kerajaan tidak mengagihkan dana pembangunan untuk Semenanjung:Sabah:Sarawak dengan nisbah 50:25:25 dalam RMK-12 dan Bajet 2022 supaya Sabah dan Sarawak berpeluang mengejar pembangunan yang sama seperti Semenanjung.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep dan falsafah Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021. Di bawah konsep ini, terdapat tiga (3) nilai yang dijadikan panduan iaitu keterangkuman (*inclusivity*), kebersamaan (*common ground*) dan kesyukuran (*contentment*). Manakala, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) pula adalah dasar pembangunan negara bagi

mencapai tiga (3) objektif utama iaitu menstruktur ekonomi, menangani ketidaksamaan dan membina negara.

2. Intipati di dalam Bajet 2022 dan RMKe-12 dengan jelas menggariskan pelaksanaan menyeluruh yang mengambil kira asas-asas keterangkuman Keluarga Malaysia. Kerajaan berusaha untuk menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Usaha untuk menangani ketidaksamaan ini adalah termasuk untuk memastikan pembangunan yang seimbang di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.
3. Peruntukan Bajet 2022 yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan pada 29 Oktober 2021 tidak mengepikan kepentingan pembangunan di Sabah dan Sarawak. Bagi peruntukan pembangunan, Kerajaan di dalam Bajet 2022 telah memperuntukan sebanyak **RM5.16 bilion untuk Sabah** iaitu **peningkatan sebanyak RM104 juta** daripada tahun 2021.
4. Bagi negeri Sarawak pula, Kerajaan memperuntukan sebanyak **RM4.67 bilion peruntukan pembangunan** iaitu **peningkatan sebanyak RM158 juta** berbanding jumlah peruntukan yang diberikan pada tahun 2021. Jumlah peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah dan Sarawak ini merupakan **lebih 20 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan untuk kesemua negeri**.
5. Justeru, perangkaan Bajet 2022 amat menitikberatkan pembangunan dan kesejahteraan kesemua rakyat, tanpa mengira negeri atau kaum, berdasarkan keperluan masing-masing agar semua rakyat bakal mengecapi kemakmuran seperti mana yang ditekankan dalam konsep Keluarga Malaysia dan perancangan jangka masa panjang WKB 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilangan sungai di Malaysia yang berfungsi sebagai sumber air minuman penduduk. Nyatakan bilangan sungai tersebut mengikut Kelas Kualiti Air Sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga tahun 2020, terdapat 48 aliran sungai yang berfungsi sebagai sumber air minuman penduduk. Kualiti air sungai-sungai ini dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui 55 buah stesen pengawasan kualiti air yang terletak di bahagian hulu muka sauk (*water intake*).
2. Bilangan sungai berdasarkan “kelas kualiti air sungai” adalah seperti berikut:
 - (i) **Kelas I** (Kategori Bersih) – 16 aliran sungai;
 - (ii) **Kelas II** (Kategori Bersih) – 31 aliran sungai; dan
 - (iii) **Kategori III** (Kategori Sederhana Tercemar) – 1 aliran sungai.
3. Dimaklumkan bahawa Kementerian sedang dalam proses untuk mengintegrasikan data-data pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan oleh JAS dan maklumat kualiti air sungai yang dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta lain-lain agensi yang berkaitan bagi mendapatkan gambaran kualiti air sungai yang lebih menyeluruh terutamanya bagi sungai yang digunakan sebagai air minuman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

Mekanisme terbaik untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor perladangan yang telah menimbulkan risiko kerugian pendapatan negara berjumlah berbilion ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani masalah guna tenaga di sektor perladangan sawit, kerajaan sentiasa menyarankan penggiat industri untuk mengadaptasi penggunaan mekanisasi dalam proses kerja. Mekanisasi bukan sahaja mempercepat proses kerja tetapi juga membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual. Bagi mempromosikan penggunaan mekanisasi dan automasi, Kementerian Perusahaan dan Perladangan Komoditi melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah menghasilkan lebih daripada 50 teknologi yang sedia untuk dikomersialkan.

Produk R&D ini merangkumi semua aktiviti di lapangan, termasuk bagi pekebun kecil sawit. Bagi memastikan hasil produk R&D ini sampai kepada penggiat industri, promosi telah dilakukan di media massa dan ketika sesi libat urus bersama penggiat industri dijalankan. Mereka yang mengadaptasi teknologi hasil R&D ini dibimbang dan disokong bagi tujuan pengkomersialan. Usaha penyelidikan dan pembangunan teknologi mekanisasi akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan teknologi tersebut ketika di lapangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah justifikasi pihak Kementerian dalam membenarkan kilang melebur logam beroperasi di negara kita dan apakah syarat ketat yang dilaksanakan bagi memastikan pengoperasian kilang ini tidak mengakibatkan sebarang pencemaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, keputusan bagi membenarkan kilang melebur logam beroperasi adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa yang Meluluskan (PBM) iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaras dengan dasar dan polisi yang ditetapkan.
2. Kilang peleburan logam aluminium, kuprum, besi dan keluli, atau logam lain dengan kapasiti pengeluaran tertentu, atau kilang kitar semula logam yang berkemungkinan melibatkan peleburan merupakan antara aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 dan perlu mendapat kelulusan Laporan Penilaian kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment – EIA*).

SOALAN NO : 18

3. Pihak penggerak projek perlu memastikan semua langkah kawalan pencemaran yang ditetapkan dalam syarat kelulusan EIA dipatuhi sepenuhnya dan dilaksanakan sewajarnya.
4. Kegagalan untuk mendapatkan kelulusan Laporan EIA sebelum memulakan pembinaan kilang peleburan logam ataupun kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat kelulusan yang ditetapkan akan menyebabkan tindakan undang-undang diambil dan pesalah berdepan dengan hukuman denda maksimum sebanyak RM 500,000.00 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya.
5. Sebelum memulakan operasi, kilang perlu mengemukakan pemberitahuan secara bertulis bagi alat pembakaran bahan api dan sistem kawalan pencemaran udara kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperitimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam sekeliling (Udara Bersih) 2014. Kegagalan mematuhi Peraturan ini boleh menyebabkan denda sehingga RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [
ROMPIN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mengesan pemaju atau sindiket yang menyalahgunakan jenama Residensi Wilayah bagi mengelirukan pembeli. Nyatakan statistik pihak yang telah diambil tindakan dan bentuk tindakan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah mewar-warkan kepada orang awam bahawa semua pemohon Residensi Wilayah mesti berdaftar dan memohon melalui Portal Residensi Wilayah, merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Residensi Wilayah.

Walau bagaimanapun, Kementerian dapat mengesan sindiket yang menyalahgunakan jenama Residensi Wilayah setelah mendapat aduan daripada orang awam melalui emel, telefon dan juga orang awam yang datang ke Kementerian.

Dalam rekod Kementerian, terdapat 7 aduan telah diterima sejak tahun 2019 hingga kini berkenaan penyalahgunaan jenama atau iklan palsu Residensi Wilayah. Kementerian telah mengambil tindakan segera dengan mewar-warkan penyalahgunaan tersebut kepada orang awam dengan menggunakan platform media sosial Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani kewujudan akaun media sosial palsu Residensi Wilayah dan aktiviti penipuan secara dalam talian, Kementerian juga mengambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) selaku pihak berkuasa dan SKMM telah mengambil tindakan segera dengan menurunkan akaun-akaun palsu tersebut. Sebagai langkah ke hadapan, bagi sebarang aduan berkaitan kandungan media baharu, Kementerian akan membuat aduan secara terus kepada Jabatan Perlindungan Pengguna SKMM melalui

SOALAN NO : 19

Portal Aduan di pautan aduan.skmm.gov.my atau melalui emel kepada aduanskmm@mcmc.gov.my. Koordinasi secara bersepadu antara KWP dan SKMM akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan platform internet dan media sosial bebas daripada kandungan negatif.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kementerian ini juga pernah menerima aduan berkenaan sindiket penipuan yang menawarkan rumah mampu milik dengan harga yang rendah menggunakan logo Kementerian dan logo RUMAWIP sehingga mengelirukan pembeli. Sindiket ini juga mengeluarkan surat tawaran palsu dengan menggunakan kepala surat Kementerian dan tandatangan pegawai yang palsu. Sindiket ini telah mengakibatkan kerugian kepada mangsa yang tertipu.

Kementerian telah mengambil tindakan dengan mewar-warkan sindiket ini melalui kenyataan media yang menegaskan bahawa sebarang permohonan Residensi Wilayah hanya boleh dimohon melalui portal rasmi Residensi Wilayah iaitu di alamat residensiwilayah.kwp.gov.my. Mana-mana individu yang berminat untuk membeli Residensi Wilayah perlu membuat permohonan melalui portal rasmi Residensi Wilayah. Segala urusan permohonan adalah melalui janaan sistem dan atas talian. Notifikasi tawaran juga akan dihantar melalui emel yang didaftarkan oleh pemohon.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 bagi melindungi kepentingan pembeli dan pematuhan peraturan di bawah Akta 118, tiada sebarang bentuk kutipan wang boleh

SOALAN NO : 19

dilakukan oleh pemaju daripada pemohon termasuklah kutipan yuran komitmen sebelum menandatangani perjanjian jual beli.

Kementerian juga telah menasihatkan pemohon bahawa sebarang aduan berkaitan kutipan bayaran juga boleh dikemukakan terus kepada Sistem Aduan Bersepadu Jabatan Perumahan Negara di laman sesawang aduan.kpkt.gov.my.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah pelajar sekolah yang telah berhenti sekolah untuk berkahwin sewaktu pandemik (2020 dan 2021) :-

- (a) jumlah yang memohon untuk berkahwin berbanding jumlah yang diberi kelulusan berkahwin pada tahun 2020 sehingga 2021; dan
- (b) jelaskan jumlah pelajar bagi permohonan mengikut pecahan agama, kaum, umur, jantina dan negeri, bagi tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semua permohonan perkahwinan bawah umur bagi orang Islam dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri juga menetapkan bahawa mana-mana pemohon di bawah umur minimum yang hendak berkahwin hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Hakim Syarie terlebih dahulu.

NO. SOALAN : 20

2. Bagi orang bukan Islam dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara selaras dengan peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Akta ini tidak terpakai bagi seseorang anak Negeri (*native*) Sabah, Sarawak atau seseorang orang asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraianya tertakluk kepada undang-undang adat anak negeri atau adat orang asli melainkan jika mereka memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini.
3. Permohonan perkahwinan bawah umur tidak menyatakan status sama ada pemohon masih atau sudah berhenti sekolah. Ada juga permohonan yang dibuat oleh penjaga kepada pemohon yang ingin berkahwin.
4. Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah murid yang dikesan berhenti sekolah atas alasan berkahwin bagi tempoh 2020 hingga 2021 adalah seramai 445 orang. Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
Johor	10
Kedah	17
Kelantan	43
Melaka	2
Negeri Sembilan	3
Pahang	38
Perak	21
Perlis	4
Pulau Pinang	4
Sabah	86
Sarawak	183
Selangor	12
Terengganu	21
Wilayah Persekutuan Labuan	1

Daripada jumlah tersebut, 411 orang adalah murid perempuan dan 34 orang adalah murid lelaki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021(RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan meminda Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) bagi membolehkan anggota ATM yang berhenti menerima pencen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar dan peraturan semasa ATM bagi membolehkan anggota Lain-Lain Pangkat ATM menerima pencen adalah setelah berkhidmat sekurang-kurangnya 21 tahun.

Pindaan akta dan peraturan akan dibuat sekiranya cadangan pemberian pencen bagi anggota yang berkhidmat kurang dari 21 tahun dipersetujui dan diluluskan oleh Kerajaan.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah undang-undang anti lompat parti akan digubal, dan dibentangkan di Dewan Rakyat. Adakah lompat parti akan dijadikan satu kesalahan jenayah untuk menghalang wakil rakyat daripada mengkhianati mandat rakyat, pada masa akan datang.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti-lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat

melindungi hak rakyat negara ini. Undang-undang berkaitan anti-lompat parti ini akan dibentangkan dalam Parlimen selewat-lewatnya Julai 2022.

Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mengambil kira pandangan menyeluruh serta mendapat sokongan semua pihak. Sesi libat urus ini juga akan memastikan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

Sama ada untuk menjadikan tindakan melompat parti sebagai satu bentuk jenayah atau tidak, pelbagai sudut perundangan perlu dilihat dan dikaji. Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti. Selain itu, suatu kaji selidik awam juga sedang dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan rakyat mengenai cadangan gubalan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti.

Bagi memastikan undang-undang ini sentiasa bersifat relevan, semua usaha yang disebut seperti di atas penting untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan emolumen, elauan serta perjalanan rasmi setiap duta khas bertaraf Menteri yang dilantik Kerajaan sejak April 2020.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Terdapat tiga (3) Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan sejak April 2020 iaitu:
 - a) Duta Khas Ke Timur Tengah;
 - b) Duta Khas Ke Republik Rakyat China; dan
 - c) Duta Khas Ke Jepun, Korea Selatan & Taiwan
2. Berdasarkan kontrak perkhidmatan yang telah dimuktamadkan, emolumen yang diterima oleh kesemua duta khas ini adalah RM27,227.20. Mereka juga ditawarkan beberapa kemudahan lain seperti kemudahan telefon bimbit, Kenderaan, Pemandu dan Pejabat.
3. Setakat ini tiada perjalanan rasmi ke luar negara dibuat oleh Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk membeli *Pegasus Spyware* dari NSO Group dan tujuan utama pembeliannya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah ditubuhkan secara rasmi pada Februari 2017 sebagai agensi peneraju kebangsaan bagi hal keselamatan siber dengan objektif untuk memastikan dan mengukuh daya tahan Malaysia dalam menghadapi ancaman serangan siber. Dalam hal ini NACSA, MKN bertindak dengan menyelaras dan menyatukan pakar dan sumber terbaik negara dalam bidang keselamatan siber bagi mendepani ancaman siber negara.
2. Berkaitan jumlah perbelanjaan bagi membeli *Pegasus Spyware* dari NSO Group dan tujuan utama pembeliannya, adalah dimaklumkan bahawa **tiada perbincangan, perolehan mahupun perancangan sepertinya dibuat oleh pihak NACSA, MKN berkaitan perisian tersebut.**
3. Walau bagaimanapun, NACSA, MKN sentiasa komited bagi memperkuuh tahap keselamatan siber negara, Kerajaan melalui tadbir urus secara lebih holistik dan terselaras. Antara langkah strategik NACSA, MKN adalah dengan membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (*National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP*), melindungi melindungi Infrastruktur Maklumat Negara Kritikal (CNII), mewujudkan (*National Cyber Coordination and Command Centre - NC4*) dan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Strategy (MCSS)) 2020-2024.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah Kementerian untuk menerokai sumber air alternatif untuk kegunaan domestik dan pertanian termasuk empangan pinggir laut, air bukit dan sumber-sumber lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian giat berusaha dalam penerokaan sumber air alternatif bagi menampung permintaan air yang semakin meningkat untuk kegunaan domestik, pertanian dan industri. Pada ketika ini, selain dari sumber air permukaan, usaha penyelidikan dan pembangunan tertumpu kepada sumber air alternatif seperti air hujan, air tanah dan air payau.

Dalam konteks ini, NAHRIM telah membangunkan produk air minuman hujan (TuaiHujan) bagi kegunaan domestik dan industri di samping menjalankan usaha memperkenalkan takungan air pinggiran sungai (TAPS) bawah tanah, empangan pinggir laut, air atmosfera dan air tebus guna. Sistem TuaiHujan sesuai digunakan di kawasan kediaman, premis perniagaan dan rumah ibadat, manakala sistem penjana air atmosfera (AWG – *atmospheric water generator*) lebih sesuai dibangunkan di kawasan pulau.

Untuk memenuhi keperluan pertanian pula, beberapa kawasan sedang dikaji seperti Lembangan Sungai Melaka Langkawi, Sungai Kedah dan Sungai Muda menggunakan teknik takungan air pinggiran sungai (TAPS) bawah tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 1 DISEMBER 2021(RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan dasar mengendali kapal selam dan kapal perang nuklear dalam kawasan maritim Malaysia serta bilakah *ASEAN Defence Minister Meeting* akan membincang isu AUKUS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara maritim yang terletak di tengah-tengah laluan strategik antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik. Kedua-dua lautan ini dihubungkan melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan yang merupakan laluan utama untuk perdagangan antarabangsa. Oleh itu, keselamatan di Laut China Selatan dan Selat Melaka adalah amat penting bagi kemakmuran Malaysia yang banyak bergantung kepada import dan eksport menggunakan laluan laut.

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982 membenarkan laluan transit secara *innocent passage* bagi semua kapal termasuk kapal perang dan kapal selam berkuasa nuklear di perairan antarabangsa termasuk di zon ekonomi eksklusif (ZEE).

Walau bagaimanapun, sekiranya kapal perang atau kapal selam berkuasa nuklear berhasrat memasuki kawasan perairan wilayah (12 batu

nautika), bertujuan untuk berlabuh di pelabuhan Malaysia, atau bertujuan melaksanakan eksesais bersama Angkatan Tentera Malaysia, ianya perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan khas daripada Kerajaan Malaysia yang mana ia akan dipertimbangkan secara *case-by-case basis* (dengan izin).

Sebagai sebuah negara yang berkecuali, Malaysia sentiasa mengutamakan hubungan yang baik dengan semua negara. Kerajaan akan terus menjalinkan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara di Asia Tenggara dan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Ingin ditegaskan bahawa hubungan baik dengan mana-mana negara tidak akan menjelaskan atau mencemar kedaulatan negara.

Saya telah menyuarakan pendirian Malaysia selaras dengan kenyataan YAB Perdana Menteri berhubung penubuhan kerjasama tiga hala antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS) dalam Mesyuarat Pemukiman Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM Retreat) pada 10 November 2021.

Saya telah menekankan bahawa Malaysia memegang prinsip untuk mengekalkan ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ). Malaysia berpandangan persefahaman semua negara ASEAN adalah penting untuk kita menghadapi apa jua cabaran dan ketika berhadapan dengan kuasa besar. Negara-negara luar perlulah menghormati pendirian ASEAN serta mematuhi dasar dan undang-undang Malaysia terhadap semua aset tentera asing termasuk yang berkuasa nuklear di Zon Maritim Malaysia, selaras dengan undang-undang negara dan Konvensyen UNCLOS 1982.

Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Aspirasi Keluarga Malaysia telah dimulakan dengan penetapan pencapaian 100 hari dalam kalangan anggota Jemaah Menteri. Apakah kesinambungan Aspirasi tersebut selepas tamat 100 hari.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021. Konsep Keluarga Malaysia ini mengetengahkan tiga (3) nilai utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dan nilai-nilai ini perlu diterapkan dalam tindakan dan pelaksanaan dalam pentadbiran Kerajaan hari ini. Oleh yang demikian, Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari Jemaah Menteri (selepas ini akan disebut sebagai AKM 100 Hari) merupakan **ukuran pencapaian Ahli Jemaah Menteri sepanjang 100 hari pentadbiran Kerajaan bagi memastikan**

program/projek di bawah kementerian/jabatan masing-masing dilaksanakan dengan menjiwai intipati dan konsep Keluarga Malaysia.

2. Sehubungan itu, bagi membuktikan pencapaian awal Ahli Jemaah Menteri, prestasi AKM 100 Hari masing-masing akan dinilai berdasarkan tiga elemen iaitu Penilaian Perkhidmatan Teras, *Performance Review* oleh YAB Perdana Menteri terhadap setiap YB Menteri dan Persepsi Awam terhadap setiap YB Menteri serta Kementerian yang diterajui.
3. Sebagai kesinambungan daripada AKM 100 Hari tersebut, tumpuan akan terus diberikan kepada aspirasi-aspirasi yang bersifat jangka sederhana dan jangka panjang bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah terbaik kepada rakyat. Berdasarkan prestasi setiap YB Menteri yang kita jangka akan diketahui pada 9 Disember 2021 nanti, pemilihan dan penentuan Petunjuk Prestasi Utama bagi jangka sederhana dan panjang akan ditentukan.
4. Kerajaan akan menganjurkan program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 9 sehingga 12 Disember 2021. Dalam program ini nanti, kita akan memperlihatkan pencapaian-pencapaian Kementerian di samping program bantuan serta pameran dan jualan usahawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengasingan peranan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang Kerajaan dan peranan pendakwa raya memandangkan kedua-dua peranan itu menyebabkan masalah dan konflik kepentingan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara yang merupakan inisiatif di bawah Tonggak 1 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Inisiatif tersebut juga turut dimasukkan sebagai Perkara 4.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Kajian terperinci tersebut telah melihat amalan terbaik global dan mengkaji secara mendalam sistem dan struktur pendakwaan di 9 buah negara.

Hasil kajian tersebut telah dimuktamadkan dan cadangan pindaan Perlembagaan serta undang-undang lain yang berkaitan juga telah dikenal pasti. Turut disediakan dalam laporan kajian tersebut ialah struktur Pejabat Pendakwa Raya yang akan ditubuhkan kelak. Seperti Yang Berhormat sedia maklum inisiatif ini turut berada dalam NACP dan tempoh pelaksanaan NACP adalah sehingga 2023. Apabila laporan kajian ini siap sepenuhnya, ia akan dibentangkan kepada kerajaan semula untuk keputusan sama ada akan melaksanakan agenda yang berkaitan cadangan memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Memandangkan cadangan pemisahan ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, maka Kerajaan perlu berhati-hati dalam perkara yang menyentuh kuasa Pendakwa Raya di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan keanggotaan Pendakwa Raya dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan di bawah Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos keseluruhan mengikut pecahan projek pembinaan atau naik taraf serta tarikh projek tersebut bagi kediaman rasmi Perdana Menteri dan kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri sejak dari pembinaan kedua-dua bangunan itu. Nyatakan juga pecahan yang dibelanjakan ke atas bahagian awam dan bahagian kediaman peribadi.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kompleks Kediaman Rasmi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri masing-masing telah mencecah umur pembinaan 25 tahun dan 23 tahun. Kompleks Seri Perdana ini bukan sahaja digunakan sebagai tempat kediaman malah di dalam kompleks berkenaan terletaknya beberapa bangunan yang boleh digunakan untuk majlis-majlis rasmi negara.
2. Memandangkan Kompleks Seri Perdana dan Sri Satria telah menjangkau usia lebih daripada 20 tahun, keperluan penyelenggaraan adalah amat penting untuk memastikan semua fasiliti dan kemudahan di kompleks tersebut akan sentiasa terpelihara dalam keadaan yang baik dan kekal berfungsi sebagaimana yang dikehendaki. Tahap keselamatan (*safety & security*) kedua-dua kompleks ini juga perlu dititik beratkan melalui penyelenggaraan yang dijalankan dari semasa ke semasa.
3. Kos keseluruhan mengikut pecahan projek pembinaan atau naik taraf serta tarikh projek tersebut bagi kediaman rasmi Perdana Menteri dan kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri sejak dari pembinaan kedua-dua bangunan itu adalah seperti berikut:

Projek	Kos (RM)	Tahun Laksana
Naik Taraf Seri Perdana	26,553,338.27	2010
Naik Taraf Seri Perdana	897,000.00	2011
Naik Taraf Seri Perdana	38,500,000.00	2021
Naik Taraf Seri Satria	9,100,000.00	2016

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bagaimana Agenda Transformasi Sektor Air 2040 dapat memanfaatkan warga di Sabah terutamanya kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agenda Transformasi Sektor Air 2040 (*Water Sector Transformation-WST 2040*) yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) adalah merupakan hala tuju strategik sektor air negara yang melibatkan empat fasa merentasi RMKe-12 hingga RMKe-15 (20 tahun). Agenda ini bertujuan membangunkan sektor air sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang dinamik di samping memastikan jaminan bekalan air yang bersih dan terawat untuk semua.
2. WST 2040 bukan sahaja berpaksikan kepada pembangunan ekonomi bersumberkan air tetapi juga menitikberatkan usaha mencapai **perkhidmatan bekalan air yang inklusif** termasuklah bagi **penduduk di kawasan luar**

bandar dan pedalaman termasuklah di **Sabah**. Antara manfaat yang bakal diterima adalah:

- (i) **WST 2040 mengariskan strategi pendanaan alternatif air bagi meneroka peluang menyediakan sumber kewangan baharu seperti Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Wakaf Air bagi melaksanakan projek perkhidmatan air luar bandar yang efisien, cepat dan mudah; dan**
 - (ii) **pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan** di bawah WST 2040 akan menyediakan pilihan teknologi alternatif bersifat luar grid (*off-grid*) bagi meningkatkan akses perkhidmatan air dan pembetungan kepada penduduk di luar bandar dan pedalaman.
3. Bekalan air alternatif (*off-grid*) adalah bekalan air di kawasan pedalaman atau pulau yang tidak bergantung kepada sistem bekalan air terawat atau separa terawat. Antara sumber kepada sistem *off-grid* ialah perigi, badan air berdekatan atau air hujan yang terkumpul. Pada masa kini, KASA sedang meneliti usaha untuk meluaskan liputan bekalan air alternatif (*off-grid*) yang bersih dan selamat kepada masyarakat selari dengan hala tuju RMKe-12.
4. Di bawah RMKe-12 iaitu Fasa Pertama pelaksanaan WST 2040, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM25.8 bilion untuk menambahbaik liputan dan perkhidmatan air sekaligus menjamin bekalan air secara mampan. Enam (6) buah negeri akan diberikan perhatian termasuklah Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kerajaan meningkatkan eksport barang "Made in Malaysia" daripada MATRADE dan MIDA. Nyatakan jumlah peruntukan dan grant mengikut sektor yang diperuntukan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan Syarikat Peringkat Pertengahan (SPP), untuk berdaya saing di pasaran global, serta mempromosi eksport barang dan perkhidmatan tempatan – "Made in Malaysia" ke persada dunia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), menggunakan strategi serampang dua mata yang meliputi **pembangunan pengeksport** dan **program promosi eksport**. Bagi tujuan itu, antara program dan inisiatif utama yang dilaksanakan oleh **MATRADE** bagi tujuan tersebut adalah:

- i. Program **eTRADE** untuk membantu PMKS menyertai platform *e-marketplace* bertaraf antarabangsa, seiring dengan tren aktiviti perdagangan masa kini yang menjurus kepada aktiviti dan transaksi dalam talian. Program ini telah diperkemas dan diteruskan sebagai Program eTRADE 2.0 di bawah Rancangan

Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), dengan peruntukan sebanyak RM10 juta dan ianya terbuka kepada semua sektor.

- ii. Inisiatif fasilitasi eksport **Geran Pembangunan Pasaran (Market Development Grant - MDG)**, yang merupakan geran bayaran balik (*reimbursable grant*) untuk membiayai kos penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa, logistik, pensijilan antarabangsa, pendaftaran harta intelek serta pengiklanan dan pemasaran digital. Di bawah RMKe-12, sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan MDG.
- iii. Untuk mempertingkatkan eksport perkhidmatan pula, **Dana Eksport Perkhidmatan (Services Export Fund - SEF)** ditawarkan yang merangkumi kos pengurusan projek serta pembidaan tender antarabangsa. Di bawah RMKe-12, sejumlah RM45 juta telah diperuntukkan bagi menyokong eksport perkhidmatan negara, dengan skop SEF diperluaskan kepada penyertaan Koperasi, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Investment Company – GLIC*) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company – GLC*). SEF ini ditawarkan kepada semua sektor perkhidmatan, kecuali perkhidmatan pelancongan, harta tanah, perbankan dan insurans.
- iv. Dalam meningkatkan daya saing Syarikat Peringkat Pertengahan (SPP) di pasaran serantau dan global, sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-12 bagi **Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (Mid-Tier Companies Development Programme – MTCDP)**. Sektor-sektor sasaran bagi program MTCDP adalah elektrik dan elektronik; teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communications technology – ICT*); perkhidmatan pembinaan; produk halal; makanan dan minuman; minyak, gas, kimia dan tenaga; serta produk gaya hidup.

MATRADE juga turut melaksanakan program **GlobPreneur**, di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

(PEMERKASA) yang merangkumi bimbingan diagnostik dan pembangunan kapasiti, penyertaan dalam program promosi eksport serta pemantauan pencapaian PMKS yang terlibat dalam program ini. Dengan kerjasama erat kerajaan negeri dan sektor swasta, program GlobPreneur ini telah mula dilaksanakan di negeri Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Melaka. Melalui peruntukan sebanyak RM5 juta, program GlobPreneur menyasarkan penyertaan 50 buah syarikat PMKS dengan hasil eksport berjumlah RM30 juta disasarkan dari industri halal termasuk sektor kewangan Islam, kosmetik, produk herba, farmaseutikal, makanan dan minuman, gaya hidup, industri kreatif serta ICT.

Sebuah lagi agensi di bawah MITI iaitu Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (**MIDA**), turut menawarkan beberapa **insentif** dan program bagi **meningkatkan kapasiti dan keupayaan eksport** syarikat tempatan untuk meneroka pasaran baharu di dalam dan luar negara, serta menyokong pelaburan asing. Antaranya adalah **Dana Strategik Pelaburan Tempatan** (*Domestic Investments Strategic Fund - DISF*), **Geran Automasi Pintar** (*Smart Automation Grants – SAG*), **Elaun Modal Automasi** (*Automation Capital Allowance*) serta **Dana Intervensi Industry4WRD** (*Industry4WRD Intervention Fund*).

Seiring dengan perkembangan masa kini, MITI melalui MATRADE dan MIDA akan terus membantu syarikat-syarikat tempatan meningkatkan eksport barang dan perkhidmatan mereka serta akses pasaran antarabangsa dengan mengintegrasikan syarikat Malaysia ke rantaian bekalan global. MITI, MATRADE dan MIDA akan terus aktif dalam meningkatkan keterlihatan (*visibility*) syarikat-syarikat Malaysia di luar negara melalui kerjasama strategik di dalam pelbagai platform perdagangan khususnya dengan penggunaan platform digital sesuai dengan norma baharu. Adalah diharapkan usaha dan inisiatif Kerajaan ini akan dapat terus membantu meningkatkan eksport barang “*Made in Malaysia*” ke seluruh pelusuk dunia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW
SUAN [SEGAMBUT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 RABU)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyediakan kawasan baharu untuk Tanah Perkuburan Bukan Islam di Kuala Lumpur bagi menampung kekurangan/ketiadaan lot yang difahamkan semuanya telah penuh terutamanya golongan Kristian dengan menyatakan adakah terdapat perbincangan di antara Kerajaan dan Majlis Agama Bukan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, berdasarkan unjuran penduduk yang diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) telah menetapkan keperluan tanah perkuburan bukan Islam di Kuala Lumpur adalah sebanyak 49.8 hektar atau 123.05 ekar. Mengambil kira kepadatan penduduk di Kuala Lumpur yang dianggarkan meningkat ke jumlah 2.2 juta, ingin saya maklumkan bahawa sehingga kini, jumlah keluasan tanah perkuburan bukan Islam yang telah tersedia di Kuala Lumpur adalah sebanyak 246.01 hektar atau 607.9 ekar, melebihi daripada unjuran asal yang kita sasarkan.

Selaras dengan penetapan dasar PSLK2020, iaitu di bawah inisiatif Nombor 23 di bawah tajuk *Community Facility*, dengan izin, DBKL akan:

“...melalui perundingan dengan agensi berkaitan, merancang dan memastikan penyediaan tanah perkuburan mencukupi di peringkat Kuala Lumpur dan konurbasinya”

Sehubungan dengan penetapan dasar tersebut, maka DBKL telah merancang untuk menyediakan Tanah Perkuburan Secara Bersepadu di Semenyih dengan anggaran keluasan 134 hektar.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perbincangan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu “*di antara Kerajaan dan Majlis Agama Bukan Islam*”, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menukuhan satu

jawatankuasa yang dinamakan **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut-Penganut Agama (HARMONI) Selain Islam**. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI Selain Islam terdiri daripada:

- i. Kristian - 4 wakil;
- ii. Budha - 4 wakil;
- iii. Hindu - 2 wakil;
- iv. Sikh - 1 wakil;
- v. Tao - 2 wakil; dan
- vi. Baha'i - 1 wakil.

Jawatankuasa HARMONI Selain Islam ditubuhkan bagi memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama selain Islam berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat.

Sehingga kini, perbincangan Jawatankuasa Harmoni adalah tertumpu kepada penyediaan SOP bagi aktiviti di rumah ibadat selain Islam di samping urusan bantuan pengurusan mayat bukan Islam. Jawatankuasa ini tidak pernah membincangkan isu-isu berkaitan tanah perkuburan bukan Islam memandangkan hal ehwal tanah adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan pencapaian Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) sejak 1 Mac 2020.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah bermula pelaksanaannya pada Januari 2019 yang merangkumi 115 inisiatif yang dibahagikan kepada 6 bidang utama. Sehingga 31 Disember 2019, 29 inisiatif yang telah selesai pelaksanaan dengan pencapaian output pada tahun 2019.

Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dikeluarkan pada 19 Mei 2021 dengan menggariskan 82 inisiatif berdasarkan kepada keperluan penambahbaikan berterusan seiring dengan dasar semasa kerajaan ke atas inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam NACP 2019-2023.

Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2019 telah diedarkan kepada Parlimen pada November 2020 serta Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2020 dan 2021 akan dikeluarkan pada Penggal Kelima, Parlimen Ke-14 Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN :

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa selepas Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) setuju dan cadangan lantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dibuat melalui Parlimen dengan majoriti dua pertiga dan SPRM ada suruhanjaya perkhidmatan sendiri, dan kertas kabinet telah disediakan pada tahun lepas (Jawapan November 2020), proses ini tiba-tiba dilambatkan lebih setahun kononnya 'untuk diperincikan'.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Mesyuarat JKKMAR Siri 11 Bil. 1 Tahun 2020 dan Siri 12 Bil 2. Tahun 2020 telah menimbangkan berkenaan cadangan bagi memperkasakan SPRM khususnya dalam Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) untuk memasukkan pindaan peruntukan baharu di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kedua-dua Mesyuarat JKKMAR telah menimbangkan kedua-dua cadangan ini dan memutuskan bahawa kajian terperinci serta perbincangan lanjut SPRM dengan Jabatan Peguam Negara perlu diadakan berhubung kedua-dua cadangan pindaan ini.

Cadangan pindaan untuk memasukkan peruntukan baharu di dalam Perlembagaan Persekutuan ini telah dibawa ke perhatian Jabatan Peguam Negara dan perbincangan masih lagi giat dilaksanakan untuk mendapatkan persetujuan Jabatan tersebut. Suruhanjaya ini juga akur dan terikat dengan peruntukan Perkara 159 (3) Perlembagaan Persekutuan di mana pindaan ini memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

Di bawah Inisiatif 5.3.2 Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi maksud memperkasakan SPRM, khususnya dalam Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) melalui pindaan peruntukan baharu di dalam Perlembagaan Persekutuan diberi tempoh sehingga Disember 2023 untuk direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN :

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah statistik keterlibatan penjawat awam terhadap salahlaku rasuah mengikut gred jawatan ; dan
- (b) apakah program atau latihan yang dijalankan bagi mengekang salah laku rasuah di kalangan penjawat awam.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Statistik keterlibatan penjawat awam terhadap salahlaku rasuah mengikut gred jawatan**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penjawat awam bagi tahun 2019 sehingga September 2021 adalah sebanyak 12,753. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,416 Kertas Siasatan telah dibuka. Berdasarkan kepada jumlah Kertas Siasatan yang telah dibuka sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 1,365 tangkapan telah dilakukan, 632 pertuduhan telah dibuat di Mahkamah dan 273 telah disabitkan di Mahkamah. Pecahan statistik adalah seperti berikut:

TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	SABITAN
2019	4898	547	525	168	83
2020	4516	444	467	256	91
2021	3338	425	373	208	99
JUMLAH	12,753	1,416	1,365	632	273

Tidak semua maklumat yang diterima oleh SPM berunsur rasuah dan memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah bidang kuasa SPRM. Kertas Siasatan yang dibuka adalah berdasarkan kepada maklumat berkualiti yang mempunyai unsur-unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

(b) Program atau latihan yang dijalankan bagi mengekang salah laku rasuah di kalangan penjawat awam

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sepanjang tahun 2019 sehingga September 2021, SPRM telah melaksanakan sebanyak 852 program, 876 keterlibatan, 2,783 ceramah yang melibatkan 196,273 audien serta 188 Ikrar bebas Rasuah (IBR) yang melibatkan 188 agensi awam. Pecahan statistik pencapaian aktiviti pendidikan pencegahan rasuah SPRM melibatkan penjawat awam adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	PENCAPAIAN MENGIKUT TAHUN			JUMLAH
		2019	2020	2021	
1	Program	355	306	191	852
2	Keterlibatan	265	347	264	876
3	Ceramah Audien	1,445	799	539	2,783
		108,087	47,780	40,406	196,273
4	Jumlah IBR	101	51	36	188
5	Program Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA)	-	1	-	1

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
[PULAI]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini sedang dalam usaha untuk memperhalusi draf Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen dan bukan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen. Draf pertama Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen telah disediakan dan sedang diperhalusi bagi tujuan pemantapan Rang Undang-Undang berkenaan. Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen ini dijangka selesai digubal pada Mac tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR
KUCHING]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian hasrat Kerajaan untuk meminda seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk "Decriminalise Attempted Suicide" untuk menangani isu peningkatan jumlah cubaan membunuh diri di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia kerana berdasarkan statistik setakat 2019 insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Isu percubaan membunuh diri menjadi lebih meruncing pada masa ini kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu menjadikan ramai kehilangan sumber pendapatan atau hilang pekerjaan.

Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura, didapati negara-negara tersebut telah mengeluarkan perbuatan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan mental. Ini bermakna percubaan membunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di negara-negara tersebut.

Berdasarkan perkembangan undang-undang berkaitan di negara yang dikaji, Jabatan Peguam Negara telah menimbang cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan perbuatan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

Jabatan Peguam Negara sedang meneliti dengan lebih lanjut pilihan perundangan yang ada serta implikasi perundangan sekiranya kesalahan perbuatan percubaan membunuh diri dikeluarkan daripada sistem keadilan jenayah. Di samping itu, Jabatan Peguam Negara juga sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang lain yang berbangkit daripada pengeluaran kesalahan perbuatan percubaan membunuh diri daripada sistem jenayah bagi mengelakkan berlaku kelompongan dalam undang-undang berkenaan perkara ini.

Jabatan Peguam Negara dijangka memuktamadkan kajian pada akhir tahun 2021 dan ke arah penyediaan pembentangan pindaan undang-undang pada akhir tahun 2021 atau awal tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan langkah-langkah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) (yang pernah dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Pandan mantan Timbalan Perdana Menteri) untuk menyelaras dasar dan program bagi memperkasa sistem perlindungan sosial negara serta penggunaan Mykad sebagai konduit penyelarasan.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Majlis Perlindungan Sosial Malaysia atau *Malaysia Social Protection Council* (MySPC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 28 Oktober 2016 dan kesinambungannya diaktifkan semula oleh YB Pandan, mantan Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2019. Pengaktifan semula MySPC ini telah memberi dimensi baharu kepada landskap perlindungan sosial di Malaysia di mana program-program berkaitan perlindungan sosial sedia ada sedang disusun semula dan diperkasakan bagi memastikan pelaksanaan dasar dan program perlindungan sosial negara yang lebih komprehensif dan bersepadu.
2. Sehingga 27 Ogos 2021, sebanyak 509 program daripada 30 kementerian/agensi di peringkat persekutuan telah dipetakan. Sejumlah 13 juta rekod profil kumpulan sasar perlindungan sosial telah dipetakan di bawah Modul Bantuan Sosial melibatkan 17 agensi pelaksana program manakala bagi data profil modul insurans sosial dan intervensi pasaran buruh sedang dipetakan dan dijangka siap pada Suku Kedua (Q2) 2023. Elemen perlindungan sosial ini juga turut diambil kira oleh pihak Kerajaan dalam penyediaan bajet kewangan negara setiap tahun.
3. Hasil pemetaan dan rasionalisasi program perlindungan sosial sedia ada ini juga turut dijadikan input kepada penyediaan pelan induk perlindungan sosial negara yang sedang dibangunkan oleh kerajaan. Ini bagi memastikan dasar yang dibangunkan ini bersifat dinamik dan komprehensif serta seharusnya mengikut trend peralihan demografi semasa. Elemen perlindungan sosial ini juga turut diambil kira oleh pihak Kerajaan dalam penyediaan bajet kewangan negara setiap tahun.
4. Sementara dasar tersebut siap digubal, MySPC bergerak melalui pelan tindakan perlindungan sosial berdasarkan lima teras utama yang digariskan iaitu:

NO. SOALAN : 38

- a) Rasionalisasi dasar dan program perlindungan sosial;
- b) Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan dan pengurusan sumber program perlindungan sosial;
- c) Pengurusan data yang berintegriti dan efisien;
- d) Penentuan liputan kumpulan sasar perlindungan sosial; dan
- e) Pemerkasaan kumpulan sasar perlindungan sosial.

5. Kerajaan melalui MySPC juga sedang membangunkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) yang mengandungi maklumat profil rakyat Malaysia dan program-program perlindungan sosial daripada pelbagai kementerian/agensi. Modul Bantuan Sosial PDPS dijangka siap dibangunkan pada Suku Pertama Tahun 2022. PDPS akan menjadi *single gateway* serta sumber rujukan utama program-program perlindungan sosial yang meliputi elemen pekerjaan, insurans sosial dan bantuan sosial.

6. Mesyuarat MySPC pada 14 Oktober 2021 turut bersetuju agar penggunaan nombor Mykad dijadikan sebagai *single unique ID* dalam menggabungkan data profil individu dari pelbagai agensi di dalam PDPS. Namun, isu keselamatan data perlu diberikan perhatian serius untuk mengelakkan kebocoran atau pencerobohan data kepada pihak yang tidak bertanggungjawab sebelum ia dijadikan sebagai konduit penyelarasian bagi pemberian bantuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan paparan 7-8 dalam buku RMK12 tentang isu dan cabaran di mana ada menyatakan kekurangan kerjasama dan ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah. Ia penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity* serta selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia.
2. Pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak merupakan salah satu agenda utama pembangunan Kerajaan. Komitmen ini telah pun diterjemahkan melalui Bab 7 RMKe-12, iaitu Memperkuuh

Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan bagi pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak, namun Kerajaan menyedari jurang pembangunan antara Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia masih wujud.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, isu dan cabaran kerjasama dan ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan adalah di antara cabaran yang dihadapi untuk mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak.

4. Oleh itu, semua pihak perlu memastikan perancangan pembangunan sosioekonomi yang dibuat sentiasa diselaraskan dan dijajarkan dengan dasar dan hala tuju yang digariskan pada peringkat nasional dan negeri. Ini bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan inisiatif dalam pelaksanaan pelan tindakan yang menyebabkan ketidakcekapan agihan sumber dan kegagalan mencapai outcome yang disasarkan. Di samping itu, isu integriti dan akauntabiliti juga turut memberi kesan kepada kualiti penyampaian perkhidmatan.

5. Selain itu, isu dan cabaran lain adalah dalam pembangunan bakat, ekosistem tadbir urus dan pengurusan projek. Antara isu yang perlu ditangani adalah keperluan untuk penyelarasaran pelaksanaan dasar dan perancangan peruntukan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, penambahbaikan proses mengambil dan mengekalkan bakat termasuk penempatan serta penerimangunaan teknologi digital.

6. Dua strategi utama telah digariskan dalam Bab 7 bagi memperkuuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri, iaitu Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Jalinan Kerjasama dan Meningkatkan Kerjasama antara Pihak-Pihak Berkuala. Langkah ini penting bagi memperkuuh tadbir urus dan memenuhi keperluan rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan telah menggariskan perancangan yang teliti bagi memperkuuh penyampaian perkhidmatan sektor awam yang telah dikenal pasti sebagai satu daripada empat pemangkin dasar dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI
HAMZAH [KUBANG PASU]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa ramaikah penasihat khas Perdana Menteri yang dilantik dan dalam bidang apa; dan
- (b) implikasi kewangan bagi setiap lantikan dan keputusan penting yang dibuat hasil dari nasihat yang diberikan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Buat masa ini, hanya terdapat 3 orang Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri iaitu:

- i. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Undang-undang dan Hak Asasi Manusia);
- ii. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Agama); dan
- iii. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Kesihatan) – (masih dalam proses pelantikan).

2. Anggaran kos bulanan keseluruhan bagi setiap satu pejabat Penasihat Khas yang telah dilantik termasuk kos pegawai-pegawai di pejabat tersebut adalah sebanyak RM50,000. Kos ini termasuklah bayaran gaji dan emolumen Penasihat Khas serta pegawai-pegawai yang dilantik bagi menguruskan hal ehwal dasar dan operasi di pejabat berkenaan.

3. Penasihat-penasihat yang dilantik ini adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai jaringan hubungan, pengalaman dan kepakaran dalam hal-hal berkaitan dengan skop tugas mereka yang boleh memberi faedah kepada usaha-usaha pembangunan negara yang selari dengan konsep Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama serta aset dalam Ringgit Malaysia (RM) semua Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai akaun bank di pesisir dan adakah mereka diwajibkan untuk mengisyiharkan asset mereka kepada SPRM di Malaysia. Jika ya, nyatakan dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen 2018, Perisyntihar harta, perolehan harta tambahan dan pelupusan harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen serta isteri atau suami, anak dan pemegang amanah mereka hendaklah dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru itu, belum ada mana-mana peruntukan yang mewajibkan perisyntihar Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen kepada SPM.

Berikut adalah ahli-ahli Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri yang telah mengisyihar aset luar Negara mereka dan disalinkan kepada SPM:

- i. YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
- ii. YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin
- iii. YB Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu
- iv. YB Senator Datuk Lim Ban Hong

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menjelaskan tafsiran berkenaan dengan pemberian kerakyatan kepada anak yang lahir kepada ibu atau ayah yang merupakan warganegara Malaysia dan sekiranya ya, bilakah cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Cadangan Pindaan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan ("Jawatankuasa") yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).
2. Suatu mesyuarat telah diadakan pada 18 November 2021 yang antara lainnya membincangkan terma rujukan (TOR) dan keanggotaan bagi Jawatankuasa tersebut.

3. Jawatankuasa ini juga akan menjalankan kajian ke atas perkara-perkara kewarganegaraan khususnya Bahagian III Perlembagaan Persekutuan (“PP”) secara holistik dengan mengambil kira kompleksiti isu kewarganegaraan (termasuk isu anak angkat atau anak tidak sah taraf).

4. Jawatankuasa ini menjangkakan bahawa hasil konsultasi dan kajian akan dimuktamadkan dalam tempoh **enam (6) bulan**, sebelum ia dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan dan seterusnya kepada Majlis Raja-Raja untuk perkenan.

5. Cadangan TOR Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- (a) membincangkan aspek pindaan PP termasuk berkenaan dengan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 mengenai anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu yang merupakan warganegara Malaysia;
- (b) mengkaji undang-undang dan amalan di negara lain;
- (c) mengadakan konsultasi dengan *stakeholders*; dan
- (d) menganalisis hasil rundingan dengan *stakeholders*.

6. Cadangan keanggotaan Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengurus - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Parlimen);
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;
- (c) Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (e) Peguam Cara Negara II;

- (f) Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara;
- (g) Ketua Pengarah Jabatan Imigresen;
- (h) Mantan Hakim;
- (i) Ahli akademik; dan
- (j) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

7. Pada 23 November 2021, Majlis Raja-Raja telah memperkenan cadangan penubuhan Jawatankuasa tersebut dan mengambil maklum bahawa Jawatankuasa tersebut dijangka akan membentangkan hasil konsultasi dan kajian dalam tempoh enam (6) bulan.

8. Berhubung dengan cadangan pindaan kepada PP mengenai perkara kewarganegaraan, pindaan tersebut hendaklah memperoleh persetujuan Majlis Raja-Raja berdasarkan Fasal (5) Perkara 159 PP dan hendaklah mendapat sokongan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen di bawah Fasal (3) Perkara 159 PP.

9. Sekiranya cadangan pindaan turut menyentuh hak orang yang lahir sebelum Hari Malaysia untuk menjadi warganegara oleh sebab perhubungan mereka dengan Negeri Sabah dan Sarawak atau jaminan layanan sama rata antara orang yang lahir dan bermastautin di Negeri-Negeri Borneo dengan orang yang lahir dan bermastautin di Negeri-Negeri Melayu, persetujuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah diperoleh selaras dengan perenggan (a) Fasal (2) Perkara 161E PP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah *lesson gained* memastikan daya tahan dan kelestarian kemampunan ekonomi negara ketika berhadapan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan krisis kesihatan dan ekonomi di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Kebanyakan negara yang dilihat sebagai berjaya menangani krisis ini memiliki asas ekonomi domestik yang kukuh dan sistem kewangan yang stabil serta mengamalkan dasar fiskal dan monetari yang bersesuaian untuk merangsang ekonomi serta kepantasan setiap negara dalam mengawal penularan COVID-19.

2. Bagi Malaysia, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk mengawal penularan COVID-19 melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini disusuli dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang telah membolehkan Malaysia menjadi antara negara yang mencatatkan kadar vaksinasi terpantas dengan lebih daripada 96 peratus penduduk dewasa kini lengkap divaksinasi. Seterusnya, Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah mula dilaksanakan sebagai strategi untuk keluar dari PKP secara berfasa dari segi pergerakan manusia serta pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial.
3. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa dalam usaha untuk mengekang penularan COVID-19, ianya juga telah memberi kesan kepada ekonomi negara. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah menguncup sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020 berikutan langkah pelaksanaan kawalan pergerakan yang menjelaskan aktiviti ekonomi dan permintaan serta gangguan rantaian bekalan. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif di bawah pakej rangsangan ekonomi bagi mengurangkan kesan pandemik kepada ekonomi. Selain itu, asas ekonomi negara yang kukuh sebelum bermula penularan COVID-19 seperti inflasi yang rendah dan stabil, tahap guna tenaga penuh, pertumbuhan KDNK yang mampan, pasaran eksport yang pelbagai dan pelaburan langsung asing yang tinggi, telah membantu Malaysia mendepani krisis ekonomi ini.
4. Pandemik COVID-19 ini telah mendedahkan beberapa kelemahan struktur ekonomi negara yang perlu ditangani dengan segera. Sehubungan itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) dan Belanjawan 2022 telah menggariskan strategi untuk mentransformasi sektor ekonomi untuk daya tahan dan kemampanan ekonomi negara. Antara lain perkara yang dipelajari dalam memerangi krisis ekonomi dan kesihatan berikutan pandemik Covid-19 adalah seperti berikut:

- i. Keperluan untuk mengukuhkan struktur ekonomi, peningkatan kualiti pelaburan dan produktiviti,

- ii. Kepentingan ketersediaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerima guna pendigitalan,
 - iii. Adaptsi pengdigitalan perlu disegerakan;
 - iv. Jurang digital perlu dirapatkan dengan segera, terutamanya dalam sektor pendidikan; dan
 - v. Perlindungan sosial, terutamanya bagi sektor informal perlu dimantapkan.
5. Secara keseluruhannya, Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara kembali kukuh, berdaya tahan dan mampan bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Pemulihan ini akan dapat memacu Keluarga Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi serta kalis cabaran pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA
BIN MD RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [LUMUT] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah baru yang boleh diambil untuk menjadikan Kawasan Industri Kg. Acheh yang strategik di daerah Manjung menarik kepada pelabur-pelabur baru asing dan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Perindustrian Kg. Acheh yang terletak di daerah Manjung, Perak ini telah dibangunkan pada tahun 1994 oleh Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd dan diselenggara oleh Majlis Perbandaran Manjung (MPM). Kawasan ini mempunyai luas keseluruhan sebanyak 885 ekar, di mana 625 ekar atau 91 plot telah diisi, manakala 260 ekar atau 38 plot lagi masih belum diisi. Sebanyak 129 syarikat direkodkan sebagai pemilik plot-plot sedia ada berkenaan. Buat masa ini, industri yang terdapat di Kawasan Perindustrian ini termasuklah industri pembuatan makanan, industri berasaskan getah, industri perkapalan dan maritim, industri fabrikasi logam, industri minyak dan gas serta industri berasaskan mineral.

Bagi menjadikan sesebuah kawasan perindustrian menarik kepada para pelabur tempatan ataupun asing, ia perlu dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, air, gas dan jaringan komunikasi digital (Internet) yang baik dan moden; serta diselenggara

dengan baik. Buat masa ini, didapati bahawa infrastruktur asas Kawasan Perindustrian Kg. Acheh adalah berada pada tahap memuaskan, di mana Kawasan Perindustrian ini dilengkapi dengan infrastruktur asas dan jaringan perhubungan darat yang baik. Walaupun Kawasan Perindustrian ini terletak jauh dari lapangan terbang antarabangsa, iaitu sejauh 270km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan sejauh 170km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, namun ia tidak langsung menjelaskan aktiviti pelaburan dan perdagangan di Kawasan Perindustrian ini. Selain itu, kewujudan pelabuhan perdagangan utama yang dimiliki oleh Lumut Maritime Terminal (LMT) dan sebuah lagi pelabuhan perdagangan baharu yang dijangka dibina pada tahun 2023 menambahkan lagi keupayaan jaringan perhubungan di kawasan ini.

Selain itu, antara langkah-langkah baharu yang boleh diambil untuk menjadikan Kawasan Perindustrian Kg. Acheh sebagai kawasan yang lebih strategik di daerah Manjung dan mampu untuk menarik pelabur-pelabur baharu asing dan tempatan adalah seperti berikut:

- i. mewujud dan membangunkan **ekosistem industri** yang khusus, lengkap dan mampan serta rantaian bekalan yang menyeluruh bagi membolehkan bekalan bahan mentah dan komponen diperolehi dengan mudah dan harga yang kompetitif. Di Kawasan Perindustrian Kg. Acheh ini, industri pembuatan makanan dan berasaskan getah merupakan industri-industri utama yang telah wujud dan matang yang sekaligus menjadi penyumbang utama kepada sumber kegiatan ekonomi di daerah Manjung. Dalam perkara ini, pemain-pemain industri getah di kawasan ini perlu mengambil manfaat terhadap pembangunan industri barang getah yang kini menunjukkan trend peningkatan terutamanya bagi pengeluaran produk sarung tangan getah yang menerima permintaan tinggi kesan daripada pandemik COVID-19;
- ii. **mempromosi** kesediaan bekalan sumber tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mudah diperolehi kepada pelabur sedia ada dan pelabur berpotensi memandangkan terdapat ramai bakat-bakat dalam bidang teknikal untuk kegunaan industri melalui institusi sedia ada di Perak seperti Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Mara (UiTM),

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Politeknik Ungku Omar (PUO), Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Taiping (Adtec Taiping), Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak (Pesdec), Universiti Tuanku Abdul Rahman (UTAR), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Kolej Vokasional; dan

- iii. **menaiktarafkan lanskap** dengan memberi imej korporat kepada Kawasan Perindustrian ini seperti membina sebuah pintu gerbang dengan papan tanda perindustrian yang lengkap dan pagar khas di sekelilingnya bagi menjamin keselamatan kawasan ini. Selain itu, pembinaan kawasan perumahan pekerja yang mempunyai jaringan pengangkutan awam yang baik serta pewujudan kawasan rekreasi pekerja merupakan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memberi nilai tambah dan daya saing kepada Kawasan Perindustrian ini.

Dalam perkara ini, kelebihan-kelebihan yang terdapat di Negeri Perak ditambah dengan langkah-langkah yang telah dinyatakan seharusnya dapat menarik pelaburan-pelaburan baharu ke Kawasan Perindustrian Kg. Acheh.

JAWAPAN LISAN MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14 DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara jelas dan telus sama ada laporan-laporan dan dapatan-dapatan dalam perbincangan dan perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 boleh dibuka untuk pengetahuan umum kepada rakyat Malaysia terutama penduduk Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY
ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan, semenjak diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 9 September 2020, Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**) telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada **2 Disember 2020, 13 April 2021 dan 18 Oktober 2021**.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, buat masa ini, Kerajaan kekal dengan pendirian bahawa tiada keperluan untuk membuat penarafan semula berhubung kerahsiaan Laporan Jawatankuasa Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63). Status kerahsiaan dokumen dan keputusan-keputusan JKKKMA63 adalah ditetapkan oleh Kerajaan PH terdahulu.

Dari sudut pelaksanaan pula, memandangkan keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh JKKKMA63 hanya merupakan persetujuan dasar, perkara-perkara tersebut masih memerlukan tindakan lanjut sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan wajar diberikan ruang untuk meneruskan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berhubung pelaksanaan perkara-perkara yang berkaitan. Sebarang kemajuan yang dicapai akan diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa dan sehubungan itu, Kerajaan berpandangan walau pun laporan tersebut tidak didedahkan kepada umum, namun setiap keputusan yang telah dicapai akan tetap dimaklumkan kepada umum dalam pelbagai bentuk dan tidak terhad kepada laporan tersebut sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila semua projek di negeri Perlis yang dirancang di bawah RMK-11 akan siap dan selain meneruskan projek-projek lama, adakah pertambahan suntikan projek baru bagi negeri ini sepanjang RMK-12.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan prihatin kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di seluruh negara, termasuk Perlis. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan yang diluluskan adalah berserta jumlah kos keseluruhan projek. Jumlah kos ini adalah termasuk kerja-kerja awalan seperti perolehan tanah bagi projek fizikal binaan sehingga projek siap dan boleh berfungsi dengan sempurna. Sehubungan itu, prestasi pelaksanaan fizikal akan sentiasa dipantau dan perbelanjaan sebenar akan diambil kira dalam memberi pertimbangan ke atas permohonan peruntukan pada tahun berikutnya.
3. Bagi projek pembangunan yang tidak dapat disiapkan sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) semasa, projek akan diteruskan pelaksanaannya pada RMLT berikutnya. Sebanyak 71 projek yang diluluskan di bawah RMKe-11 di Perlis tidak dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan. Sehubungan itu, pelaksanaan kesemua projek tersebut akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) sehingga projek siap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM715 juta bagi pelaksanaan projek-projek di negeri Perlis bagi tahun 2021 dan 2022. Jumlah projek baharu yang diluluskan adalah sebanyak 95 projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk memberikan AP besi kepada pelbagai pihak termasuk persatuan kontraktor bagi menstabilkan harga besi akibat bekalan yang tidak mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Permit Import/Eksport (AP) besi dan keluli akan dipertimbangkan kepada mana-mana syarikat atau perniagaan berdaftar di Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Antara syarat-syarat tersebut adalah syarikat perlu mengemukakan dokumen-dokumen penting seperti lesen perniagaan, lesen pengilang, invois, kontrak jualan, sijil pengilang (*mill certificate*) dan dokumen-dokumen berkaitan. Ini bermakna mana-mana syarikat atau perniagaan termasuklah ahli persatuan kontraktor layak dipertimbangkan AP sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pada masa ini, hanya terdapat 81 daripada 479 Kod Tarif (*HS Code*) produk besi dan keluli yang masih dikenakan syarat AP oleh Kementerian. Kebanyakkannya merupakan bahan mentah bagi kegunaan sektor pembuatan. Antara produk tersebut adalah produk besi dan keluli rata (*flat-rolled products*), tiub dan paip, serta wayar dan kabel. Tujuan syarat AP masih dikenakan ke atas produk-produk ini adalah bagi mengelakkan lambakan di pasaran supaya pembangunan industri besi dan keluli domestik adalah teratur.

Harga besi dan keluli ditentukan oleh pasaran yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti berikut:

- i. kesukaran untuk mendapatkan bekalan bijih besi dan permintaan sekerap besi yang tinggi di seluruh dunia yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga bahan mentah dalam menghasilkan besi; dan
- ii. pengeluar tidak beroperasi dengan kapasiti penuh dan mengurangkan pengeluaran kerana permintaan yang rendah semasa perintah kawalan pergerakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
(LAHAD DATU)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021(RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan bilakah kem tentera di Tanduo akan beroperasi sepenuhnya dan jumlah kos pembinaan keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tentera Darat tidak ada perancangan pembinaan Kem Tentera di Tanduo. Walau bagaimanapun, Pembangunan Kem Tentera Darat di Felda Sahabat Lahad Datu, Sabah telah diluluskan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan kos pembinaan berjumlah RM523 juta.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pencen dan gratuiti Menteri-Menteri, Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dan Ahli-Ahli Parlimen dikira. Nyatakan sama ada benar mereka boleh mendapat jumlah pencen dan gratuiti yang besar sungguhpun mereka hanya berkhidmat untuk satu tempoh yang singkat seperti yang didakwa oleh Ahli Parlimen Muar.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS TUGAS KHAS)**

Tuan yang Dipertua,

1. Pembayaran pencen dan ganjaran Menteri-Menteri, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Ahli-Ahli Parlimen adalah tertakluk kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237]. Pengiraan faedah pemberhentian perkhidmatan ini adalah seperti berikut:
 - a. Pencen (bayaran bulanan) : $1/144 \times \text{tempoh perkhidmatan yang dimasuk kira} \times \text{gaji}$
(terhad maksimum tiga per lima daripada gaji yang diterima dengan tempoh perkhidmatan yang sempurna genap 87 bulan)
 - b. Gratuiti (bayaran sekaligus) : $1/48 \times 12 \times \text{tempoh perkhidmatan yang dimasuk kira} \times \text{gaji}$
2. Berdasarkan formula pengiraan yang dinyatakan, jumlah pembayaran pencen dan ganjaran adalah bergantung kepada dua (2) elemen utama iaitu tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira dan gaji/elaun yang diterima. Dalam masa yang sama, apa-apa ganjaran atau award tunai yang pernah diterima Ahli berkenaan sebelum ini akan ditolak sebelum pembayaran ganjaran terkini dilaksanakan.
3. Pengiraan pembayaran faedah penamatan adalah bergantung kepada jumlah tempoh perkhidmatan dan gaji/elaun yang diterima oleh setiap Ahli Parlimen seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 1 Seksyen 2(1), akta yang sama:

“Seseorang yang berhenti menjadi Ahli atau Anggota boleh diberi pencen jika dia telah menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira:

Dengan syarat bahawa jika seseorang yang menjadi Ahli atau Anggota untuk pertama kalinya pada atau selepas 1 Julai 1990 berhenti menjadi Ahli atau Anggota apabila menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, dia boleh diberi pencen hanya apabila dia kemudiannya mencapai umur lima puluh tahun.”

4. Dalam hal ini pandangan Ahli Parlimen Muar bahawa Menteri-Menteri, Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dan Ahli-Ahli Parlimen mendapat jumlah pencen dan gratuiti yang besar sungguhpun mereka hanya berkhidmat untuk satu tempoh yang singkat adalah tidak tepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai untuk mengatasi dan menghalang tebing- tebing sungai seperti Sungai Padas di Beaufort daripada terus terhakis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Melalui Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di seluruh Negara. Daripada tahun 2018 sehingga 2021, sebanyak RM1.2 juta telah diperuntukkan di kawasan Parlimen Beaufort.
2. Disamping itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*) bagi Sungai Padas yang siap pada 2019. Melalui pelan IRBM ini, Kementerian telah menyediakan cadangan menangani isu-isu strategik dalam lembangan untuk rujukan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan agar selari dengan matlamat pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran, memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi, mengurangkan risiko banjir serta meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Sabah disarankan menggunakan Pelan IRBM ini dalam merancang pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasi masalah warga yang layak yang menerima bantuan bertindih (*overlapping*) daripada pelbagai agensi serta masalah warga yang layak tidak menerima apa-apa bantuan, dan jika Kementerian akan menyediakan satu pangkalan data bagi menyelesaikan masalah.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) sedang membangunkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) yang mengandungi maklumat profil rakyat Malaysia dan program-program perlindungan sosial merentasi pelbagai kementerian/agensi.
2. PDPS akan menjadi *single gateway* serta sumber rujukan utama program-program perlindungan sosial yang meliputi elemen pekerjaan, insurans sosial dan bantuan sosial, di mana data-data perlindungan sosial dikumpulkan dan disepadukan agar lebih komprehensif bagi memastikan isu *overlapping* serta *inclusion or exclusion error* dapat diatasi.
3. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 3 November 2021 telah bersetuju agar semua agensi pemilik data termasuklah jabatan Kerajaan, badan berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *government-linked company* (GLC) dan organisasi masyarakat sivil (CSO) hendaklah membenarkan perkongsian data kepada PDPS dan sebarang had perundangan atau halangan berhubung persetujuan perkongsian data diuruskan dan diambil tindakan melalui pekeliling atau kelulusan secara pentadbiran melalui MySPC.

Sekian, terima kasih.